



## SIARAN MEDIA

### **MAFI TANDATANGANI MOU DENGAN SYARIKAT PENERAJU LAKSANA PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR**

PUTRAJAYA, 23 Februari – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebelas syarikat peneraju bagi pelaksanaan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMARTSBB).

Pada majlis di Wisma Tani di sini, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid mewakili kementerian menandatangani MoU tersebut dengan wakil sebelas syarikat tersebut yang disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Berucap pada majlis itu, YB Dr Ronald berkata SMART SBB yang akan disertai oleh Syarikat-Syarikat Peneraju untuk membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama secara berperingkat menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

Katanya Mengambil kira beberapa kelemahan yang wujud dalam program berskala besar terdahulu, Kementerian telah mengenalpasti beberapa langkah dalam memperkasakan industri antara lain, untuk turut melibatkan pelaburan pihak industri itu sendiri melalui Syarikat Peneraju yang secara langsung akan mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan dari segi input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang.

Beliau berkata ini akan turut memberikan pendekatan baharu dalam industri melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah dan pertanian pintar.

Menurutnya Program SMART SBB ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai.

Program SMART SBB ini adalah penting berikutan terdapat keperluan bagi menangani isu ancaman terhadap kemampanan sara diri negara terhadap beras, katanya.

Ronald berkata program SMART SBB akan membantu Negara untuk mencapai sasaran SSL beras yang telah ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75%.

Pelaksanaan program SMART SBB juga akan membuka peluang kepada Syarikat-Syarikat Peneraju untuk memainkan peranan dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantaian nilai industri padi dan beras negara pasca pandemik COVID-19.

Program SMART SBB juga dijangka akan meningkatkan pendapatan golongan sasaran program iaitu para pesawah dengan hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung oleh pesawah akan dapat dikurangkan sekaligus meningkatkan margin pendapatan pesawah.

**DISEDIAKAN OLEH:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
23 FEBRUARI 2021**